

22.2.2021_ Berita Harian_MOSTI_Pfizer komited pastikan rakyat terima vaksin

Pfizer komited pastikan rakyat terima vaksin

Kuala Lumpur: Pfizer komited untuk memastikan rakyat Malaysia menerima vaksin COVID-19 secepat mungkin, dengan ketibaan kumpulan pertama vaksin Pfizer-BioNTech di negara ini, semalam.

Syarikat farmaseutikal terbaik melahirkan rasa gembira dengan ketibaan berkenaan sambil menyifatkan ia satu pencapaian utama dalam memenuhi janjinya membekalkan vaksin kepada Malaysia.

Pfizer berkata, syarikat itu melakukan segala yang mampu untuk memenuhi keperluan kesihatan awam yang kritikal ketika ini.

"Kami gembira untuk bekerjasama dengan pihak kerajaan dan rakan penghantaran agar rakyat Malaysia dapat menerima dos mereka secepat mungkin seperti yang ditentukan oleh garis panduan kerajaan," kata jurucakapnya kepada *BH* menerusi e-mel semalam.

Malaysia menerima bekalan kumpulan pertama vaksin Pfizer-BioNTech selepas pesawat Airbus 330-300 yang membawanya tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) semalam.

Pesawat MH604 membawa 312,390 dos vaksin COVID-19 Pfizer-BioNTech itu mendarat

pada jam 10.07 pagi sebelum vaksin terabit diagihkan kepada 16 lokasi simpanan seluruh negara.

Simbolik penyerahan dan perenerimaan bekalan vaksin itu disempurnakan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi merangkap Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin bersama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Turut hadir Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong.

Vaksin keluaran Pfizer-BioN-

tech adalah vaksin COVID-19 yang pertama diberikan kelulusan pendaftaran bersyarat oleh Pihak Berkuastra Kawalan Dadah (PBKD) dan Bahagian Regulatori Farmaasi Negara (NPRA) setelah melalui proses penilaian yang sejawarnya dan akan sentiasa dipantau dengan rapat setelah ia digunakan.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Dr Noor His ham akan menjadi antara penerima pertama suntikan vaksin COVID-19. Rabu ini sekali gus menandakan bermulanya Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang digerakkan lebih awal daripada jadual asal.